

Pusat Jantung Nasional sedia klinik khusus untuk wanita

► FARID HAMZAH
farid@sph.com.sg

CIK Sapariah Ahmat tidak pernah menyangka beliau akan menghidap masalah jantung, memandangkan beliau seorang wanita.

Tambahan lagi beliau tidak pernah mengadu rasa sakit pada dadanya.

Tanpa disedari, nenek seorang cucu berusia 62 tahun itu sebenarnya menghidap penyakit jantung.

“Sebenarnya saya tidak pernah berasa sakit di dada – tanda-tanda yang biasa dialami pesakit jantung lain.

“Tapi tanda-tanda yang saya alami ialah berpeluh dan saya rasa tidak selesa di rumah – asyik keluar masuk bilik.

“Saya kemudian dibawa ke hospital dan doktor mengesahkan yang saya menghidap penyakit jantung,” katanya yang menyingkap insiden yang berlaku pada 2007 itu.

Pada ketika itu, Cik Sapariah terpaksa menjalani pembedahan memasukkan ‘stent’ bagi memastikan saluran darah sentiasa terbuka.

Sekitar lima tahun kemudian, masalah serupa berulang, tapi kali ini semasa dimasukkan ke hospital, beliau tidak menjalani sebarang pembedahan.

“Kini, dalam usaha mencegah penyakit itu daripada berulang, saya patuhi arahan doktor tentang pengambilan ubat, selain saya sendiri pantau pemakanan serta mengamalkan gaya hidup sihat,” kata Cik Sapariah yang juga pesakit kencing manis, selain mengalami kolesterol dan tekanan darah tinggi.

Diberi nama kegagalan jan-

tung dengan *preserved ejection fraction* (HFpEF) atau kegagalan jantung diastolik, ia berlaku apabila jantung mengepam secara normal tetapi gagal berehat kerana ia mengeras. Masalah inilah yang turut dialami Cik Sapariah.

Biasanya ia tidak dikesan kerana secara tradisional, para doktor akan memantau fungsi jantung mengepam berbanding ia berehat, kata Konsultan Kanan Pusat Jantung Nasional Singapura (NHCS), Profesor Carolyn Lam, dalam laporan majalah Singapore Health terbitan November/Disember.

Beliau yang juga Profesor Program Klinikal Akademik Kardiovaskular Duke-(Universiti Nasional Singapura (NUS) berkata, fungsi mengepam yang kian lemah itu – diberi nama kegagalan jantung dengan *reduced ejection fraction* atau kegagalan jantung sistolik – lebih ramai dihidapi kaum Adam berbanding Hawa.

Ia telah dikaji, lebih dikenal pasti, dan kini mempunyai pelbagai ubat berkesan untuk merawatnya.

Namun tiada ubat yang dapat menyelamatkan HFpEF – jenis penyakit yang dihidapi ramai wanita – sehingga ke hari ini, tambahnya.

“Tiada ubat untuk memperbaiki kadar penakatannya. Sebab itulah saya membuat kajian mengenainya,” kata Profesor Lam yang menubuhkan Klinik Jantung Wanita di NHCS bagi menawarkan khidmat menyeluruh bagi memenuhi sesetengah keperluan khusus wanita.

Tanpa ubat yang berkesan, doktor hanya boleh merawat simptom dan faktor risikonya, dan menasihatkan para pesakit berkaitan tentang perubahan



SAKIT JANTUNG: Cik Sapariah Ahmat tidak pernah berasa sakit di dada dan tidak menduga beliau menghidapi penyakit jantung dan terpaksa menjalani pembedahan memasukkan ‘stent’ bagi memastikan saluran darah sentiasa terbuka. – foto-foto BH oleh M.O SALLEH

gaya hidup dalam diet, tekadan dan senaman.

Menurutnya masalah itu sudah lama wujud, tetapi kaum wanita tidak dikaji dengan secukupnya berkaitan isu kardiovaskular untuk sekian lama. Namun, kini terdapat usaha tertentu disasarkan untuk

menarik lebih ramai wanita dalam ujian-ujian klinikal.

Kencing manis tingkatkan risiko

Kencing manis dan merokok memberi kesan lebih buruk ke atas wanita berbanding lelaki, meskipun kedua-dua-

nya mempunyai faktor risiko serupa.

“Kami jalankan kajian mengenai serangan jantung di Singapura, dan terkejut apabila kami mendapati ramai wanita menghidap sakit kencing manis.

“Malah, pesakit kencing ma-

nis wanita yang menghidapi serangan jantung, didapati berkeungkinan meninggal dunia berbanding pesakit lelaki.

“Maka itu, kencing manis ternyata amat buruk untuk kaum wanita dan mempunyai faktor risiko yang tinggi,” kata Profesor Lam, yang menulis laporan itu bersama Dr Gao

Fei, Pakar Biostatistik Utama, Institut Kajian Jantung Nasional Singapura, NHCS.

Justeru, beliau menasihatkan wanita yang mengidap kencing manis agar makan ubat seperti yang diarahkan, mengawal diet dan pengambilan gula, serta banyak berse-